

0RANG ISLAM YANG TERKEMUKA

IBN SĪNĀ DAN PENGARUH KITAB “AL-QANUN” NYA

Ibn Sīnā ialah salah seorang dari beratus-ratus ahli ilmu pengetahuan Islam yang telah berjasa kepada dunia. Makalah ini mengupas usahanya dan nilaiannya orang-orang barat terhadap ilmu pengetahuannya yang telah menjadi salah satu asas yang penting dalam ilmu kedoktoran dunia hari ini

(oleh Ja‘far Talib)

Dengan tersiar agama Islam di negeri Turkistan dalam kurun ketujuh dan kelapan maka mulailah zaman baharu dalam kehidupan masyarakat, siasah, kerohanian dan kebudayaan bangsa Turkistan.

Penerimaan agama Islam oleh rakyat Turkistan itu bukanlah merupakan penukaran agama semata-mata – penukaran agama Aryan Zoroastrian dan agama Turkistan asli (Tigris) dengan agama Islam – tetapi dengan memeluk Islam itu timbulah perubahan dan kebangkitan kepada bangsa Turkistan dalam pelbagai lapangan hidup, samalah seperti perubahan yang terjadi di negeri dan kepada bangsa Arab, hasil kebangkitan yang ditimbulkan oleh Islam.

Perubahan dan kebangkitan bangsa Turkistan itu berlangsung dengan cepat. Pada kurun kesembilan, Turkistan sudah mulai mengambil bahagian yang sangat mustahak dalam lapangan ilmu pengetahuan, keagamaan dan kebudayaan Islam.

Bandar-bandar Turkistan seperti Yasa, Bukhara, Samarkand

dan lain-lainnya adalah menjadi pusat-pusat perkembangan kebudayaan Islam yang dapat disamakan dengan pusat-pusat di lain bahagian dari alam Islami seperti Baghdad, Damsyik, Kaherah, dan lain-lainnya.

“Yasa” disebut orang “bandar yang dikurnia Allah”. “Bukhara” tempat zahirnya Imam Bukhari yang terkenal dengan kitab hadisnya “*al-Jāmi’ al-Ṣahīḥ*” iaitu sebuah bandar yang dinamai “Kekuatan Islam” di Samarkand pula mendapat gelaran “kekayaan dunia”

Banyak ahli-ahli besar yang telah memberikan sumbangan penting kepada Islam dan kebudayaan dunia adalah terdiri daripada orang-orang Turkistan seperti Haji Ahmad Yāsawī (penyusun kitab-kitab “*Tarīqah al-Taṣawwuf*”). Di Dīwān al-Ḥikmah” dan lain-lainnya. Ibn Sīnā, al-Fārābī, Imām Bukhārī, Khusrawī, dan masih banyak lain lagi.

Sumbangan bangsa Turkistan kepada Islam dan hubungan

Turkistan dengan umat Islam sangatlah besar sehingga

Turkistan iaitu merupakan satu bahagian yang mustahak

dari alam Islami.

Sungguhnya satu kemalangan yang amat besar bahawa daerah dan rakyat yang telah melahirkan pujangga-pujangga dan ahli-ahli pengetahuan yang banyak berjasa bagi Islam dan kebudayaan dunia umumnya telah dirampas kebudayaan oleh penjajah Moscow.

Turkistan sekarang menghadapi tindakan-tindakan yang secara dikotori dari kaum penjajah Moscow yang tidak bertuhan, iaitu dicangkup dengan tentera merah dan “M.B.D.nya” (“Kempetai-nya”) yang ditujukan bagi menghancurkan sendi-sendi masyarakat dan kebudayaan dari kehidupan kebangsaan rakyat Turkistan untuk digantikannya dengan sendi-sendi asing subit (faham tidak bertuhan) yang berdasarkan falsafah sejarah kebendaan.

Di sini hendak dihuraikan sedikit tentang salah satu dari banyak putera-putera Turkistan yang telah memberikan sumbangan bagi perkembangan ilmu pengetahuan, kebudayaan, Islam dan dunia umumnya.

Ibn Sīnā 908-1037 Masihi

Ibn Sīnā dizahirkan dalam bulan Safar 370 Masihi

(Ogos 980 Masihi) berhampiran dengan bandar Bukhārī (Turkistan) yang pada masa ini terletak dalam cengkaman penjajahan Moscow. Ayahnya berasal dari Bandar Balkh, yang letakknya juganya tidak jauh dari bandar Bukhara. Ibunya seorang perempuan Afghanaki. Tidak berapa lama setelah Ibn Sīnā zahir, berpindahlah keluarganya ke Bukhara. Yang pada masa itu masyhur menjadi salah satu pusat perkembangan kebudayaan Islam di Turkistan. Di Bukharalah Ibn Sīnā dihantar ke sekolah dan di sanalah ia melanjutkan pelajaran di sekolah tinggi perubatan (kedoktoran).

Memang Ibn Sīnā seperti yang dikatakan oleh doktor

Azwařadji “seorang yang cerdas dan

menakjubkan semenjak ia berumur 10 tahun. “dalam

umur 10 tahun ia telah hafaz Quran dan mengetahui

banyak ilmu-ilmu Islam.

Perhatiannya, terutama ditujukan kepada ilmu kedoktoran dan falsafah. Semenjak ia masih muda remaja ia telah mulai menyelidiki buku-buku perubatan yang terkenal pada zamannya seperti karangan Hippocrates dan Galen. Pada umur 17 tahun, Ibn Sīnā sudah tempatkan pelajarannya dan terkenallah dia sebagai seorang doktor yang pandai.

Ia mulai mengarang kitab semenjak berumur 21 tahun. Profesor Brooklemann dalam buku Sejarah Islamnya, ada menyebut kira-kira seratus buah kitab karangan Ibn Sīnā.

Di antara karangan-karangan yang masyhur ialah kitab “*al-Shifā*” yang berjumlah delapan jilid, dan kitab “*al-Qānūn fī al-Tibb*” yang sangat besar kesannya dalam perkembangan ilmu kedoktoran di dunia. Kerana ilmunya yang luas, Ibn Sīnā telah digelar orang: “Raja ilmu pengetahuan”

Kitab al-Qānūn

Seorang ahli perubatan barat, doktor Van der Hook berkata bahawa dalam kitabnya “*al-Qānūn fī al-Tibb*” hingga saat ini masih panas. Umpamanya mengenai penyakit tibi hampir seribu tahun yang telah lalu – sebelum orang dalam dunia ini tahu akan penyakit tibi itu – Ibn Sīnā telah menyelidikinya, yang sehingga sekarang penyakit itu masih menimbulkan penderitaan kepada sebahagian umat manusia, mengenai penyakit ini, Ibu Sina di dalam kitab “*al-Qānūn fī al-Tibb*-nya” telah menjelaskan bahawa penyakit itu suatu jenis penyakit yang berjangkit tetapi dapat disembuhkan.

Lebih lanjut doktor Van der Hook menyatakan bahawa

huraian Ibn Sīnā berkenaan penyakit ini hingga zaman sekarang ini tetap dihargai dan dipuji. Tentang rawatan dan pengubatan bagi orang-orang yang menderita tibi Ibn Sīnā telah memberikan garis besarnya yang menurut keterangan doktor Van der Hook hingga sekarang tetap moden, iaitu udara yang bersih, makanan yang baik, kerehatan jasmani dan rohani dan baik tidur.

Masih banyak hal-hal yang digunakan oleh Ibn Sina dapat dihuraikan dengan panjang lebar. memadai keterangan doktor van der Hook yang menyatakan bahawa jika orang membaca huraian Ibn Sīnā dalam kitab “al-Qānūn”nya mengenai penyakit tibi itu maka akan terasalah seolah-olah sedang mendengar huraian ahli-ahli penyakit tibi moden seperti Lendozi dan Grendogory

Dalam kitab al-Qānūn, Ibn Sīnā menghuraikan berbagai-bagai masalah yang bersangkut paut dengan ilmu kedoktoran am.

Satu contoh lagi dari banyak-banyak contoh tentang besarnya khidmat Ibn Sīnā itu ialah mengenai soal riadah. Barangkali bukan sedikit orang menyangka bahawa teori-teori mengenai riadah dan cabang-cabangnya itu ialah teori moden yang timbul dalam kurun kebelakangan.

Dalam “Al-Qānūn” didapati teori-teori mengenai riadah hingga kepada perkara-perkara yang kecil. Ibn Sīnā menghuraikan segala jenis riadah: bergusti, bertinju, berlumba lari, berjalan cepat, melempar tombak, naik kuda, naik unta, angkat berat dan lain-lainnya lagi,

Bagi tiap-tiap cabang riadah, Ibn Sīnā menghuraikan manfaatnya masing-masing dan bilakah sebaik-baiknya dikerjakan. Mainan ayunan misalnya ia suarkan bagi orang-orang yang lemah, atau yang sedang sembuh atau yang menghidap sakit kepala. Berkeliling dengan menaiki kenderaan adalah baik bagi menguatkan penglihatan (mata). Ia juga telah

menghuraikan apa faedahnya naik kapil jika air yang tenang dan jia air berombak, dan lain-lain lagi.

Satu contoh lagi dari kandungan kitab “Al-Qānūn” ialah berkenaan bacaannya tentang soalan kecantikan. Dengan panjang lebar Ibn Sīnā mengupas soal merawat rambut dengan dinyatakan jenis-jenis ubat dari ubat yang mencegah batuk hingga kepada berjenis-jenis ubat celup penghitam rambut. Demikian pula cara-cara merawat kulit dihuraikannya. Terutama yang mengenai paras muka dan bagaimana menghilangkan cacat dan menghaluskan kulit termasuk perkara mencantikkan bentuk badan.

Pengaruh kitab “Al-Qānūn”

Dalam kurun yang kedua belas, kitab “Al-Qānūn” telah terjemahkan oleh Gerhad Keromuni ke dalam bahasa Latin dengan nama “Canonom Medicini Libre V” dan semenjak itu hingga kurun yang ketujuh belas karangan Ibn Sīnā itu di pakai menjadi buku dasar bagi pengajaran ilmu kedoktoran dalam sekolah-sekolah tinggi di Eropah.

Doktor Mikes Merhoff menyatakan bahawa buku “Canonom Medicini itu dalam kurun yang ke enam belas telah dicetak balik lebih daripada dua puluh kali di bandar-bandar: Venice, Rome, dan lain-lain.

Lebih lanjut doktor Mikes Merhoff menyatakan bahawa berbagai-bagai bahawa yang menghuraikan dan mengupas kandungan buku “de da Canonom” Ibn Sīnā ini. “anggapan belum pernah terjadi dengan begitu luas” kata doktor Merhoff lagi.

Falsafah

Sebagai seorang filsuf, Ibn Sīnā masyhur

(sambungan pada muka 27)

sambungan dari muka 22

pula dengan kitabnya “al-Shifa” yang dipengaruhi oleh cara pengajaran falsafah Aristotalis dan Aflatun.

Ibn Sīnā banyak berjasa bagi perkembangan falsafah di Eropah dalam zaman pertengahan. Hal ini diakui oleh seorang ahli falsafah Eropah pada zaman itu iaitu

Roger Bacon (1214-1294)

Banyak ahli-ahli pengetahuan Kristian Barat mendapat petunjuk daripada Ibn Sīnā yang dihidangkannya itu dalam lapangan falsafah, di antaranya Thomas Aquinas (1225-1275).

Banyak pula masalah-masalah yang dibahas oleh Ibn Sīnā itu antaranya ialah soal pemberontakan. Dalam hal ini Ibn Sīnā dasarkan fahamnya atas dasar ‘perjuangan untuk kemajuan diri dengan hubungan kepada suatu cita-citanya’ iaitu berlainan dengan teori kebendaan tabii seperti yang difaham oleh Charles Darwin (1809 -1882) dengan ‘perjuangan hidupannya” dalam mana makhluk-makluk yang layak mensesuaikan diri kepada keadaan dapat hidup terus.

Jika orang ketepikan istilah yang digunakan maka teori perubahan menurut faham Ibn Sīnā mendahuluikan teori idealism, demikian ujar Professor Syarif, bekas ketua fakulti falsafah universiti Islam Aligarh, yang mengatakan lagi bahawa Ibn Sīnā “seorang ahli fikir Islam yang besar.”

Pengaruh Ibn Sīnā juga dapat dilihat pada ahli-ahli fikir Yahudi, Maimonides (1145-1204) dan Spinoza (1632-1677).

Dalam masa Ibn Sīnā tinggal Khwarazm, ia berkelana dengan ahli-ahli pengetahuan Islam seperti al-Birūnī, Abu Nāṣar al-‘Irāk (?), Abu Sahil al-Masīhī, dan lain-lain.

Dalam riwayat hidupnya yang ditulisnya sendiri, Ibn

Sīnā menerangkan bahawa dalam perkara falsafah ia pernah mendapat pertolongan daripada Abū Naṣr al-Fārābī yang dikenalnya ketika ia masih muda di Bukhara. Al-Fārābī telah menghuraikan kepada Ibnu Sina akan metafizik Aristotalis. Huraian al-Fārābī ini telah banyak menolong Ibn Sina dalam memahamkan falsafah filsuf Yunani itu.

Salah satu perkara yang kerap kali terjadi kepada Ibn Sīnā ialah bahawa jika ia bertemu dengan satu masalah sulit yang susah dipecahkan, ia akan pergi mengambil air sembahyang lalu ke masjid terus sembahyang dan berdoa mudah-mudahan Allah memberinya hidayah sesudah ia balik mentelaah dan berfikir.

Ibn Sīnā wafat pada tahun 1037 Masihi. (Dalam umur 57 tahun) berhampiran dengan bandar Hamadan, dan di sana ia dimakamkan.

-dipetik dari “Abadi”

Bacalah!

Cetak Kedua

Abū Bakar al-Ṣiddīq

oleh

Abdullah Basmeh

Dua Penggal Tamat

Senaskhah \$1.20 – Post 10 Sen

Pesanlah kepada:

Qalam

356 & 358 Geylang Road,

Singapore, 14.